



Tindak Malaysia

# Kertas Cadangan untuk Memperkasakan latihan dan kecekapan Petugas SPR

## Pengenalan

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) bertanggungjawab untuk mengendalikan pilihan raya di Malaysia. SPR menyediakan latihan kepada Petugas pilihan raya (Petugas SPR) dalam semua aspek proses pilihan raya, dari pendaftaran pengundi hingga pelaksanaan pilihan raya hingga penyelesaian pertikaian. Laporan Tindak Malaysia (satu badan bukan kerajaan yang menumpukan terhadap pembaharuan pilihan raya) ini menyediakan satu cadangan kepada SPR tentang cara untuk menambah baik program latihannya. Laporan ini juga mencadangkan bahagian SPR yang berkenaan bertanggungjawab dalam memberikan latihan.

## Latar belakang

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah satu badan bebas yang bertanggungjawab untuk mengendalikan pilihan raya di Malaysia. SPR ditubuhkan di bawah Artikel 114 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. SPR bertanggungjawab dalam semua aspek proses pilihan raya, dari pendaftaran pengundi hingga pelaksanaan pilihan raya hingga pengumuman keputusan. Walaupun pihak SPR mempunyai tanggungjawab untuk melatih Petugas SPR untuk semua pilihan raya kecil (PRK), pilihan raya negeri (PRN) dan pilihan raya umum (PRU), pihak Tindak Malaysia juga mengadakan latihan Petugas SPR kepada mana-mana Petugas Petugas berminat untuk berkhidmat sewaktu pilihan raya. Pihak Tindak Malaysia telah bekerjasama dengan pihak SPR sejak tahun 2019 untuk meningkatkan kualiti latihan dan kecekapan Petugas SPR. Adalah penting untuk membuat membandingkan kualiti latihan SPR dengan badan latihan lain kerana kualiti latihan dapat memberi impak besar kepada keberkesanan pekerja pilihan raya. Pekerja pilihan raya yang

menerima latihan berkualiti tinggi lebih cenderung menjalankan tugas mereka dengan cekap dan betul. Ini adalah penting kerana pilihan raya adalah sebahagian asas demokrasi, dan adalah penting agar mereka dijalankan secara adil dan telus. Selain itu, membandingkan kualiti latihan organisasi yang berbeza boleh membantu mengenal pasti amalan terbaik serta apa yang perlu ditambah baikan. Maklumat ini boleh digunakan untuk memperkasakan program latihan semua organisasi yang terlibat.

## Objektif

Objektif kertas cadangan untuk mengenalpasti tindakan-tindakan utama bagi pihak SPR bagi meningkatkan kualiti latihan serta kecekapan Petugas SPR. Objektif ini adalah jelas, ringkas, dan boleh dinilai. Dari segi kualiti latihan, pihak Tindak Malaysia telah mengenal pasti badan utama dalam SPR yang perlu mengelolakan program latihan Petugas. Untuk kecekapan, pihak Tindak Malaysia juga telah mengenal pasti cadangan-cadangan tertentu untuk SPR. Untuk kedua-dua aspek, pihak kerajaan Persekutuan perlu meningkatkan bajet untuk pihak SPR bagi mencapai pilihan raya yang adil dan bebas. SPR perlu melantik salah satu bahagian/unit untuk mengetuai latihan Petugas SPR.

## Maklum Balas dan Cadangan

### Pengenalan Tindak Malaysia dan program Petugas SPR (Tindak Malaysia)

Tindak Malaysia (nama rasmi: TindakMalaysia Network Services PTY LTD) merupakan satu badan bukan kerajaan yang menumpukan terhadap perkara mengenai pembaharuan pilihan raya. Pihak Tindak Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2008 dan dari situ, melatih bakal-bakal Ejen Tempat Mengundi dan Ejen Mengira Undi (PACA). Sewaktu Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (2011-12) bersidang, pengasas Tindak Malaysia telah memberi cadangan bertulis kepada Jawatankuasa bahawa [Petugas SPR](#) perlu terdiri dari ahli badan bukan kerajaan. Pihak Tindak Malaysia merasai kecekapan dan keadilan pihak Petugas SPR amat penting untuk memastikan proses pilihan raya yang adil dan bebas. Ini untuk memastikan kepercayaan dari para pengundi atas ketelusan SPR melantik Petugas Pilihanraya dijamin

Selepas perubahan kerajaan dan SPR selepas PRU14 2018, Tindak Malaysia telah menulis surat kepada SPR pada hujung tahun 2018 di mana Tindak Malaysia

mencadangkan beberapa ahlinya (yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang PACA) untuk menjadi Ketua Tempat Mengundi (KTM). Sejak tahun 2019, pihak Tindak Malaysia telah terlibat sebagai KTM and Kerani Pengundian (KP) untuk PRK, PRN dan PRU. Melalui pengalaman ini, Tindak Malaysia akhirnya memahami sebab-sebab insiden ketidakadilan dan kesalahan pilihan raya dalam saluran antara tahun 2008 hingga 2018. Tindak Malaysia telah bekerjasama dengan pihak SPR untuk tatacara untuk meningkatkan kualiti latihan Petugas SPR. Pada tahun 2022, sebagai persiapan untuk PRU15, pihak Tindak Malaysia telah mengadakan latihan Petugas SPR sendiri sebagai untuk penapisan Petugas-Petugas Petugas SPR. Pihak Tindak Malaysia SPR mengadakan latihan sendiri kerana bilangan serta info terperinci oleh Pihak SPR tidak mencukupi. Daripada pengalaman ini, pihak Tindak Malaysia mengadakan latihan setiap bulan dari Disember 2022 hingga Ogos 2023 untuk memperkasakan kualiti dan kecepatan Petugas SPR yang dibekalkan oleh Tindak Malaysia. Untuk PRU15, Tindak Malaysia menghantar seramai 32 KTM dan KP. Untuk PRN15 (2023), Tindak Malaysia menghantar seramai 31 KTM, KP, Pemandu Arah Pusat Mengundi (PAPM) dan Kerani Penyemak Daftar Pemilih (KPDP).

Sewaktu latihan Petugas SPR Tindak Malaysia dan selepas pengalaman PRN 15 2023, pihak Tindak Malaysia telah mengumpul maklum balas daripada petugas SPR kami. Daripada 31 orang Petugas SPR kami, 24 orang telah memberi maklum balas bertulis kepada Tindak Malaysia. Tinjauan telah dibuat antara 8 Ogos dan 17 Ogos 2023 (secara Google Form).

## Maklum Balas dan Cadangan

### **Badan untuk Memimpin semua latihan Petugas SPR**

Mengikut maklum balas yang diterima, hampir dua pertiga petugas SPR kami,(62.5%) menyokong untuk menjadikan Akademi Pilihan Raya (APR) sebagai badan utama untuk melatih Petugas SPR.

Dalam SPR, bahagian APR serta Pejabat Pilihan Raya Negeri adalah dua badan yang mengendalikan latihan Petugas SPR. Untuk maklumat tambahan mengenai kedua-dua badan, sila rujuk kepada seksyen ‘Maklumat Tambahan’.

Berikut adalah Perbezaan kualiti latihan Petugas SPR yang diberikan antara dua badan mengikut maklum balas Tindak Malaysia:

<b>Pejabat Pilihan Raya Negeri</b>	<b>Akademi Pilihan Raya (APR)</b>
Tanggungjawab Petugas SPR dihuraikan lebih kepada pengetahuan secara umum	Memberi penjelasan baik mengenai tanggungjawab Petugas SPR

Latihan adakalanya menarik dan tidak menarik perhatian bakal Petugas. Adakalanya pelatih tidak menunjukkan kedalaman pengetahuan mengenai tanggungjawab dan membaca kandungan latihan sebagai skrip	Latihan yang menarik perhatian peserta-peserta latihan Petugas SPR. Pelatih Akademi SPR memahami kandungan latihan secara jelas
Untuk bakal KTM, pelatih arahkan pihak KTM ikut arahan borang dan mematuhi formulanya yang terkandung dalam nota latihan yang diberi tanpa penjelasan lebih teratur	Jawapan lebih efektif serta terperinci I apabila soalan-soalan mengenai borang-borang diisikan ditanya. Walaupun itu, terdapat beberapa situasi di mana penjelasan mengenai situasi dan pengisian borang kurang memuaskan
Kekurangan dari segi pengedaran bahan taklimat iaitu slaid Powerpoint untuk bakal Petugas SPR (Petugas SPR perlu bersedia untuk penukaran jawatan)	Latihan mendalam mengenai peraturan Pilihan Raya dan tindakan SPR

Pihak Tindak Malaysia ingin mencadangkan bahawa APR perlu memimpin semua latihan Petugas SPR. Jika perlukan, semua bakal pelatih Petugas daripada Pejabat Pilihan Raya perlu dilatih (serta perlu diberikan latihan ulangan) oleh APR. Oleh sebab bakal ribuan Petugas SPR akan dilatih untuk PRN and PRU, bilangan staf untuk APR patut diperluaskan lagi.

### **Meningkatkan kecekapan Petugas SPR**

PRN 6 2023 merupakan satu peluang terlepas untuk SPR untuk memperbaharui program latihan Petugas SPR. SPR boleh mengenalpasti tarikh akhir untuk pilihan raya untuk diadakan untuk kesemua enam negeri (Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan), pihak SPR sepatutnya mempertingkatkan bilangan latihan Petugas SPR. Kebiasaannya, SPR (Akademi atau Pejabat Pilihan Raya Negeri) melatih bakal Petugas SPR sekali (sama ada 8 jam atau 4 jam) sebelum hari Penamaan Petugas. Ini merupakan kekurangan amat besar dan sebab utama masalah-masalah tertimbul dengan PACA pasca PRU14. Tambahan pula, terdapat beberapa isu mengenai latihan Petugas SPR.

Pertama, kekerapan untuk latihan Petugas SPR perlu ditingkatkan. Kebiasaannya, seorang Petugas KTM akan menghadiri satu taklimat (maksima 8 jam) bersama ratusan Petugas KTM untuk memahami tugas tersebut. Untuk KP, Petugas jawatan Petugas ini menghadiri taklimat 4 jam sekali. Untuk Penyelia Pusat Mengundi (PPM), KPDP dan PAPM, taklimat mereka ialah empat jam (sekali). ini disebabkan kebanyakan Petugas Petugas berasal dari staf kerajaan, Petugas-Petugas Petugas tidak mempunyai ruang masa mencukupi untuk menguasai pembelajaran and kecekapan mereka. Apabila pengetahuan tidak dikuasai dalam jangka masa pendek,

Petugas - petugas membuat kesalahan atau kesilapan sewaktu hari pengundian dan menimbulkan konflik dengan PACA dan pihak - pihak Petugas yang bertanding. Untuk bahagian tanggungjawab PPM, KPDP dan PAPM, pihak kami mendapati banyak kekurangan dari segi susun atur pusat mengundi, kekurangan petanda untuk pengundi untuk mencari saluran dan kekurangan komunikasi antara PPM dan KTM.

Pihak Tindak Malaysia telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan latihan Petugas SPR sebanyak 12 kali (fizikal dan talian) untuk Petugas-Petugas Petugas kami sejak Disember 2022 hingga Ogos 2023. Pihak Tindak Malaysia menegaskan bahawa bakal Petugas KTM dan PPM wajib hadir untuk latihan Tindak Malaysia sekurang-kurangnya dua kali (setiap sesi fizikal empat jam) sebelum pencalonan mereka dipertimbangkan. Pihak Tindak Malaysia terpaksa membuat latihan tambahan kerana latihan SPR masih tidak mencukupi dari segi pemahaman secara menyeluruh dan masa yang diperlukan. Tambahan pula, pihak Tindak Malaysia telah memberi sokongan pasca latihan SPR untuk Petugas-Petugas Petugas kami.

Untuk PRN baru-baru ini (PRN 15, 2023 ), kami telah melantik dua anggota kami untuk mengendalikan “Talian Hayat”. Tugas mereka adalah untuk menangani sebarang isu atau pertanyaan yang timbul oleh Petugas lantikan kami serta memberi maklum balas secepat yang mungkin pada masa yang sama. Talian Hayat kami telah beroperasi selama 2 hari, iaitu bermula dari hari proses semakan peti undi sehingga hari Pengundian dari jam 06:00 Pagi sehingga 10:00 malam.

Oleh itu, pihak Tindak Malaysia ingin membuat beberapa cadangan untuk SPR mempertimbangkan

- 1) Semua bakal petugas SPR berpangkat jawatan KTM dan PPM perlu menghadiri latihan fizikal SPR dua kali. Setiap sesi mesti 8 jam sekurang-kurangnya
- 2) Memanjangkan sesi latihan fizikal untuk KP, KPDP dan PAPM sehingga 5-6 jam
- 3) Mengembalikan kursus (SPR) melalui talian KTM dan mana-mana kursus setaraf dengan jawatan KTM

Untuk meningkatkan kualiti latihan Petugas SPR and isu - isu berkaitan, berikut adalah cadangan-cadangan yang tertentu untuk setiap badan SPR:

<b>Pejabat Pilihan Raya Negeri</b>	<b>Akademi Pilihan Raya (APR)</b>
Perlu memberi ruang masa sewaktu latihan Petugas SPR untuk megalakkan para KTM untuk mengenali (berkomunikasi) dengan PPM, KPDP	Mempertingkatkan bilangan senario dalam latihan Petugas SPR. Mengaitkan senario senario tersebut dengan Akta/peraturan-peraturan yang

dan PAPM	berkenaan. Ini boleh dikaitkan bersama dengan latihan praktikal dan simulasi. Pada masa yang sama, melibatkan dengan kajian-kajian senario yang sebenar
Memberi masa mencukupi untuk simulasi dan peluang untuk Petugas SPR untuk melibatkan diri dalam simulasi sewaktu latihan Petugas. Mengaitkan senario senario tersebut dengan Akta/peraturan-peraturan yang berkenaan. Ini boleh dikaitkan bersama dengan latihan praktikal dan simulasi. Pada masa yang sama, melibatkan dengan kajian-kajian senario yang sebenar	Memperkasakan pengetahuan KP untuk memastikan mereka memahami tanggungjawab serta proses KTM, dan membantu KTM dalam apa-apa situasi mengenai EJEN
Memanjangkan masa untuk sesi soal dan jawab	Melebihkan masa untuk sesi soal dan jawab
Melaksanakan aktiviti - aktiviti melibatkan orang muda sebagai bakal Petugas Petugas SPR	Membina dan mengedarkan rakaman latihan Petugas untuk Petugas-Petugas Petugas SPR (sebagai rujukan antara hari latihan dan hari pengundian)
Memberi peringatan kepada bakal KTM dan KP bahawa mereka tidak sepatutnya membuat sebarang undang-undang sendiri dalam saluran	Meningkatkan promosi kandungan APR dan slaid berkenaan kepada Petugas-Petugas Petugas SPR
Kehadiran untuk latihan Petugas SPR perlu diwajibkan	APR untuk melatih Pejabat Pilihan Raya Negeri. APR boleh memastikan bahawa jurulatih yang mengendalikan latihan mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang prosedur dan peraturan terkini
Menyeragamkan latihan Petugas SPR untuk seluruh negara	Mempertingkatkan koordinasi antara APR dan Pejabat Pilihan Raya Negeri
Wakil wakil Pejabat Pilihan Raya Negeri perlu melibatkan diri dalam kumpulan whatsapp KTM dan PPM. Wakil wakil ini perlu bergiat aktif dalam kumpulan tersebut dan menunjukkan pautan FAQ untuk KTM dan PPM	Menunjukkan kesilapan/andaian yang kerap yang dilakukan oleh Petugas SPR
Memberi nasihat kepada Pegawai Pengurus dan Penolong Pegawai	Meningkatkan kualiti dan masa latihan PPM (sekarang amat kurang) serta

Pengurus untuk tatacara mengenalpasti Petugas Petugas. Tambahan pula, memberi latihan talian kepada bakal Petugas SPR	mengurangkan info-info yang tidak membantu untuk petugas menjalankan tugas mereka
	Membina dan mengekalkan satu pangkalan data senarai Petugas Petugas SPR yang pernah hadir latihan Petugas
	Melaksanakan latihan talian pasca latihan talian fizikal. APR boleh mempertimbangkan untuk menyediakan sokongan talian yang sesuai kepada Petugas. Contohnya, satu sesi zoom beberapa hari sebelum hari pengundian sebagai kursus terakhir.
	Melibatkan diri dalam kumpulan whatsapp KTM dan PPM untuk memberi nasihat bernas untuk mana-mana soalan Petugas SPR. Tunjukkan Petugas SPR untuk membaca Pautan FAQ
	Memberi nasihat kepada Pegawai Pengurus dan Penolong Pegawai Pengurus untuk tatacara mengenalpasti Petugas Petugas. Tambahan pula, memberi latihan talian kepada bakal Petugas SPR
	Menjalankan Ujian untuk pengisian borang secara talian serta mewajibkan kesemua petugas, terutamanya KTM untuk mengambil bahagian. Kami dapati masih banyak lagi KTM tidak peka kepada tatacara pengisian borang dengan sempurna

## Maklumat Tambahan

### Statistik tertentu mengenai bilangan Petugas SPR

Menurut Harian Metro, terdapat sejumlah 153,760 petugas yang dilantik untuk mengendalikan proses PRN 6 2023.

Mengikut Kenyataan Media (2022) SPR mengenai PRU15 dan PRK Bugaya, seramai 363 515 petugas yang dilantik untuk mengendalikan proses pilihan raya

### **Bajet**

Menurut laporan Bajet Kebangsaan 2022, EC diperuntukkan bajet sejumlah RM 188,676,800.

Mengikut Kenyataan Media (2023) oleh SPR, kos untuk PRN adalah RM420 juta.

### **Akademi Pilihan Raya dan Pejabat Pilihan Raya Negeri**

Akademi Pilihan Raya (APR) mempunyai [34 orang kakitangan](#), manakala Pejabat Pilihan Raya Negeri mempunyai kira-kira 100 orang kakitangan. APR telah melatih lebih dari 10,000 orang pada tahun 2023. Ini termasuk pekerja pilihan raya, wakil-wakil parti politik, organisasi masyarakat madani, dan media. Latihan merangkumi pelbagai topik, termasuk proses pilihan raya, pendidikan pengundi, pemantauan pilihan raya, dan advokasi pilihan raya. Latihan direka untuk membantu peserta memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam proses pilihan raya dan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan pilihan raya yang bebas dan adil.

APR komited untuk menyediakan latihan berkualiti tinggi kepada semua peserta dan memastikan bahawa mereka bersedia untuk menyumbang kepada proses pilihan raya. Latihan yang telah diberikan oleh APR pada tahun 2023:

- Latihan pilihan raya asas untuk pekerja pilihan raya, termasuk Petugas dan Pegawai Pengundian
- Latihan pilihan raya lanjutan untuk pegawai pilihan raya kanan, seperti Pegawai Pengurusan dan Pegawai Penguatkuasaan
- Latihan pengurusan pilihan raya untuk wakil parti politik dan organisasi masyarakat madani
- Latihan pendidikan pengundi untuk orang awam
- Latihan pemantauan pilihan raya untuk organisasi masyarakat madani dan media
- Latihan advokasi pilihan raya untuk organisasi masyarakat madani

### **Peranan Petugas**

Peranan dan tanggungjawab Petugas berbeza bergantung kepada jawatan khusus mereka. Walau bagaimanapun, beberapa peranan dan tanggungjawab yang biasa dilakukan oleh Petugas termasuklah (dari Akademi SPR):

- Ketua Tempat Mengundi: Ketua Tempat Mengundi adalah seorang petugas pilihan raya yang dilantik oleh Pegawai Pengurus bagi tujuan mengetuai sesuatu tempat mengundi (saluran) dan mengendalikan proses pengundian dan pengiraan undi. KTM juga menyelia beberapa orang petugas dibawahnya iaitu Kerani Pengundian ( KP ) / Kerani Mengira Undi ( KMU ).
- Kerani Pengundian/ Kerani Mengira Undi: Kerani Pengundian adalah seseorang yang dilantik oleh Pegawai Pengurus bagi membantu Ketua Tempat Mengundi (KTM) dalam urusan pengundian di tempat mengundi (saluran). Kerani Mengira Undi (KMU) adalah seseorang yang dilantik oleh Pegawai Pengurus bagi membantu ketua tempat mengundi (KTM) dalam urusan pengiraan undi di tempat mengira undi.
- Penyelia Pusat Mengundi: Penyelia Pusat Mengundi (PPM) adalah seseorang yang dilantik oleh Pegawai Pengurus bagi tujuan menyelia sesuatu pusat mengundi semasa pilihan raya dijalankan.

### **Program Petugas SPR Tindak Malaysia (untuk PRN 6 2023)**

#### *Fasa 1: Pengambilan dan Penapisan Petugas*

Setiap orang yang berminat untuk menjadi Petugas SPR akan isi borang Permohonan Tindak Malaysia. Pihak Tindak Malaysia sama ada Petugas tersebut mempunyai kesediaan, sikap fleksibel

Borang: <https://forms.gle/A9pAvbEDtpeSBvN18>

Pengambilan bakal Petugas KTM dan PPM: Disember 2022 hingga 12 Mei 2022

Pengambilan bakal Petugas KP, KPDP dan PAPM: Disember 2022 hingga 31 Mei 2022

#### *Fasa 2: Latihan Petugas SPR Tindak Malaysia*

Setiap bakal Petugas KTM dan PPM perlu menghadir sekurang-kurangnya dua latihan fizikal Tindak Malaysia (keperluan penting untuk Petugas Petugas berada di Kuala Lumpur (KL), Selangor dan Putrajaya). Kesemua latihan minima perlu diselesaikan sebelum 15 Jun 2023 jika pihak Tindak Malaysia berhasrat untuk mencadangkan Petugas kepada Pegawai Pengurus.

Untuk Petugas KTM dan PPM di luar negeri Selangor, KL dan Putrajaya, latihan talian diberikan dan beberapa sesi soal dan jawab telah dilaksanakan.

Setiap bakal Petugas KP, KPDP dan PAPM perlu menghadir sekurang - kurangnya satu latihan fizikal Tindak Malaysia (keperluan penting untuk Petugas Petugas berada di Kuala Lumpur (KL), Selangor dan Putrajaya). Kesemua latihan minima perlu diselesaikan sebelum 15 Jun 2023 jika pihak Tindak Malaysia berhasrat untuk mencadangkan Petugas kepada Pegawai Pengurus.

Untuk Petugas KP, KPDP dan PAPM di luar negeri Selangor, KL dan Putrajaya, latihan talian diberikan dan beberapa sesi soal dan jawab telah dilaksanakan.

Fasa Latihan: Disember 2022 hingga Ogos 2023

*Fasa 3: Penempatan Petugas-Petugas Petugas SPR untuk PRN 6 2023*

Apabila Petugas-Petugas Petugas SPR dari Tindak Malaysia telah memenuhi kriteria latihan kami, mereka ditanya mengenai kawasan pilihan raya mereka berhasrat untuk bertugas. Petugas-Petugas tersebut diberi peringatan untuk mempunyai sikap fleksibel mengenai jawatan dan kawasan pilihan raya. Pihak Tindak Malaysia memanggil berpuluhan-puluhan pihak Pegawai Pengurus untuk mendapat makluman kekosongan Jawatan Petugas SPR di tempat mereka.

Fasa Penempatan: Mei 2023 - Ogos 2023

*Fasa 4: Sokongan pasca latihan Tindak Malaysia dan SPR*

Semua Petugas Petugas SPR dari Tindak Malaysia diwajibkan hadir latihan SPR pada bulan Jun-Julai 2023. Semua Petugas Petugas SPR dari Tindak Malaysia digalakkan untuk menghadiri latihan-latihan Tindak Malaysia talian pada bulan Julai dan Ogos 2023. Tambahan pula, Petugas-Petugas tersebut digalakkan untuk menanya soalan mengenai jawatan mereka dengan pelatih Tindak Malaysia melalui kumpulan whatsapp Petugas Tindak Malaysia.

Pada masa sama, pihak Tindak Malaysia melatih dua orang staf untuk menjadi orang bertugas pusat panggilan untuk Petugas SPR. Pihak Tindak Malaysia menyediakan perkhidmatan pusat panggilan pada 11 dan 12 Ogos 2023.

Tanggungjawab dua orang ialah memberi jawapan bernes dan pantas untuk mana-mana soalan ditujukan oleh Petugas Tindak Malaysia sewaktu tugas mereka

Fasa Sokongan: Jun 2023 - Ogos 2023

*Fasa 5: Penilaian Program Tindak Malaysia*

Sewaktu hari pengundian, secara rawak, pihak Pemerhati Tindak Malaysia telah ditanggung jawabkan untuk memerhati tindak-tanduk dan keupayaan Petugas Petugas SPR dari Tindak Malaysia. Penilaian bertulis telah ditujukan kepada Pengarah Tindak Malaysia dan pelatih-pelatih Tindak Malaysia pada bulan Ogos. Dari bulan Julai hingga Ogos 2023, Petugas-Petugas Petugas Tindak Malaysia telah diundang untuk mengambil bahagian maklum balas Tindak Malaysia.

Fasa Penilaian: Julai hingga Ogos 2023

## Kesimpulan

Latihan adalah sebahagian penting dalam memastikan pilihan raya yang bebas dan adil di Malaysia. Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mempertimbangkan

cadangan-cadangan yang telah diberikan untuk memperbaiki serta menaiktaraf program latihan mereka. Dengan melakukan ini, mereka dapat memastikan bahawa Petugas bersedia untuk menjalankan tugas mereka dengan cekap dan betul semasa pilihan raya. Ini akan membantu memastikan bahawa proses pilihan raya di Malaysia adalah telus dan adil, yang merupakan asas kepada demokrasi yang kukuh.

## Rujukan

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/984450/prn-6-negeri-ditetapkan-12-ogos>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1122908/prn-pengundi-muda-berumur-18-hingga-20-tahun-paling-ramai-di>

<https://www.spr.gov.my/sites/default/files/KM%20BIL%202028%202022%20%20MESYUARAT%20KHAS%20PRU%20%20KE%2015.pdf>

<https://www.spr.gov.my/sites/default/files/KM%20BIL%202012%202023%20%20MESYUARAT%20KHAS%20PRU%20DUN%20KE%2015.pdf>

<https://budget.mof.gov.my/pdf/2022/perbelanjaan/B.4.pdf>

<https://www.slideserve.com/chapa/taklimat>

Laporan disediakan oleh: Azeemah Saddiq (Staf Tindak Malaysia)

Laporan disunting oleh: Suresh Kumaran (Ketua Program Petugas Tindak Malaysia) & Danesh Prakash Chacko (Pengarah Tindak Malaysia)

Tarikh: 18/10/2023